



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAWATAN KERJA**

**YANG BERTHORMAT DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA  
KE  
PROJEK KEBUN KOMUNITI KRT SRI SEDELI, KLANG  
DAN RT CARES CENTER, KRT TAMAN SENTOSA B, KLANG**

---

**17 DISEMBER 2022, KLANG (SELANGOR)** - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja ke DUA (2) Kawasan Rukun Tetangga di Daerah Klang, Selangor pada hari ini. Lawatan yang bertujuan untuk meninjau Projek Kebun Komuniti KRT Sri Sedeli dan RT Cares Center KRT Taman Sentosa B, Klang yang merupakan antara inisiatif KPN melalui Gerak Kerja KRT Sejahtera untuk memperkasakan perkhidmatan KRT kepada komuniti dalam kawasan kejiranan.

2. Lawatan kerja ini dimulai dengan lawatan ke Projek Kebun Komuniti KRT Sri Sedeli yang merupakan salah satu daripada 113 Kebun Komuniti KRT yang dilaksanakan di seluruh negara. Pada 7 Ogos 2022 lalu Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memeterai Nota Kerjasama Projek Kebun Keluarga Malaysia dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi mewujudkan kolaboratif strategik antara KPN dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam bidang kerjasama melibatkan pembangunan program pertanian Komuniti Rukun Tetangga (KRT).

3. Inisiatif ini akan dapat membantu mengukuhkan rantai bekalan negara dan meringankan kos sara hidup komuniti. Selain itu, dalam mendepani bencana banjir yang melanda Negara, KPN telah menginisiatifkan **Program KPN Prihatin: Gerak Kerja Pasca Banjir**. Program ini bertujuan untuk;

- (a). Memperkukuhkan tanggungjawab sosial Kementerian bagi membantu komuniti yang terjejas dengan bencana banjir melalui pemerkasaan KRT;
- (b). Menggerak dan memperkukuhkan peranan KRT dalam memastikan kelangsungan dan kesejahteraan hidup komuniti pasca bencana banjir;
- (c). Membantu inisiatif kerajaan mempercepatkan proses pemulihan komuniti yang terjejas; dan
- (d). Membentuk masyarakat prihatin dan penyayang.

4. Inisiatif KPN ini melibatkan pemerkasaan tanggungjawab KRT untuk membantu komuniti yang terjejas yang dilaksanakan melalui gerak kerja berikut;

- (a). Kerja Pembersihan di kawasan terjejas banjir;
- (b). Sumbangan Kotak *RT Cares* (Makanan dan barangan keperluan asas);
- (c). Dapur Komuniti KRT;
- (d). *RT Cares Center*; dan
- (e). Program Ziarah Perpaduan.

5. Semoga pelaksanaan **Program KPN Prihatin: Gerak Kerja Pasca Banjir** ini dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh komuniti yang terjejas serta membantu usaha kerajaan dalam aspek pengurusan bencana banjir.

6. Lawatan kerja YB Menteri turut disertai oleh YBhg. Dato' Indera Noridah Binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Dato' Hajah Norison Binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta pegawai kanan KPN dan JPNIN.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

17 Disember 2022

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan Media**

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (140)